

Keputusan bubar DUN Sabah kuasa Yang Dipertua Negeri, KM

Kota Kinabalu: Keputusan mengenai pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah terletak sepenuhnya kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Musa Aman dan Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Mohd Noor, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, lantaran itu, isu pembubaran DUN Sabah tidak dibincangkan dalam pertemuan beliau bersama Yang Dipertua Negeri semalam.

“Perbincangan tertumpu kepada isu-isu berkaitan pembangunan Sabah dan usaha mengukuhkan kerjasama antara kerajaan negeri dan persekutuan,” katanya kepada pemberita


di Istana Seri Kinabalu, semalam.

Beliau berkata, perbincangan itu menyentuh pelbagai sektor, termasuk minyak dan mengambil kira input daripada pemimpin negeri, dengan tujuan menangani kebimbangan utama dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan.

Ini adalah kunjungan hormat pertama Anwar ke atas Musa sejak pelantikannya sebagai Yang Dipertua Negeri.

Spekulasi berhubung kemungkinan pembubaran awal muncul susulan pertemuan antara Perdana Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sabah semalam.

BERNAMA



Anwar mengadakan kunjungan hormat ke atas Tun Musa di Istana Seri Kinabalu, semalam. (Foto BERNAMA)